

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**  
**TARIKH : 7 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) apakah langkah Kementerian bagi memastikan masyarakat di Bintulu khususnya di luar bandar dapat menikmati perkhidmatan perubatan setaraf dengan perkhidmatan perubatan di bandar; dan
- b) sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi memantapkan perkhidmatan perubatan di Bintulu dan bagaimanakah pelaksanaan tindakan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan kesihatan yang setaraf kepada semua penduduk samada di kawasan bandar atau luar bandar. Perkhidmatan di luar bandar diberikan melalui kemudahan fasiliti kesihatan termasuk Klinik Kesihatan, Klinik Desa, dan

Klinik 1 Malaysia. Pesakit yang memerlukan rawatan pesakit dalam akan dirawat di hospital.

Bagi memastikan masyarakat di Bintulu menikmati perkhidmatan perubatan yang setaraf dengan perkhidmatan perubatan di bandar, KKM turut memantapkan lagi perkhidmatan di Bintulu melalui pelaksanaan projek-projek pembinaan Klinik Kesihatan serta menaiktaraf hospital. Sebagai contohnya seperti pembinaan KK 3 Bintulu (dalam RMKe-9), KK 5 Jepak (dalam RMKe-10), KK6 Labang (dalam RMKe-10) dan pembinaan Unit Rawatan Kebakaran di Hospital Bintulu. Selain itu peralatan di Hospital Bintulu telah diganti mengikut keperluan dimana sebanyak RM8 juta telah dibelanjakan dari tahun 2014 hingga 2016. Keperluan untuk menaiktaraf peralatan perubatan ini akan sentiasa dipantau mengikut keperluan dari masa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil berat mengenai kualiti perkhidmatan kesihatan di mana ia sentiasa ditambah baik sama ada di bandar mahupun luar bandar. Perkhidmatan di klinik kesihatan dinaik taraf dari semasa ke semasa mengikut keperluan kesihatan masyarakat setempat dengan menyediakan skop perkhidmatan yang lebih menyeluruh agar mutu perkhidmatan yang diberikan lebih berkualiti.

Penyampaian perkhidmatan kesihatan primer juga turut melibatkan kawasan pedalaman dengan inisiatif-inisiatif dan langkah-langkah supaya penduduk luar bandar Bintulu tidak jauh ketinggalan berbanding di bandar. Antara inisiatif dan langkah yang telah dilakukan adalah pembinaan Klinik Kesihatan Labang, perkhidmatan hemodialis di Klinik Kesihatan Tatau, penempatan pegawai perubatan di klinik kesihatan di luar bandar, perkhidmatan lawatan pegawai perubatan secara berkala setiap bulan bagi klinik kesihatan luar bandar yang tiada pegawai perubatan, perkhidmatan rawatan kepakaran perubatan keluarga oleh Pakar Perubatan Keluarga, perkhidmatan kepakaran klinikal iaitu lawatan Pakar Psikiatri dan Pakar Oftalmologi dari Hospital Bintulu ke klinik luar bandar, Perkhidmatan Doktor Udara (*Flying Doctor Services*), Program Doktor Muda, program Wakil Kesihatan Kampong dan program KOSPEN (Komuniti Sihat Perkasa Negara).

Untuk memastikan kualiti perkhidmatan klinik kesihatan di kawasan pedalaman, lawatan oleh Pegawai Perubatan/ Penyelia Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan dibuat sebulan sekali atau lebih kerap dimana perlu dari Klinik Kesihatan induk dimana pemantuan serta penyeliaan dilakukan mengikut garis panduan dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Bintulu merupakan sebuah hospital pakar dengan 10 bidang kepakaran dengan 26 orang Pegawai Perubatan Pakar residen dan 292 buah katil. Capaian kepada 22 perkhidmatan kepakaran bukan residen juga dijalankan secara *networking* dengan hospital-hospital berpakar lain di Negeri Sarawak dan Hospital Kuala Lumpur melalui lawatan pakar.

Beberapa projek pembangunan naik taraf telah pun dilaksanakan termasuklah pembinaan Unit Rawatan Kebakaran yang sudah diserahkan pada September 2016.

Kementerian sentiasa untuk menambah bilangan kepakaran secara menyeluruh di Hospital Bintulu. Namun, ia bergantung kepada keupayaan kerajaan untuk menyediakan prasarana infrastruktur dan peningkatan bilangan pakar.

Penggantian dan penaiktarafan peralatan perubatan di Hospital Bintulu sentiasa dijalankan secara berperingkat, mengikut keperluan dan keutamaan peralatan, keutamaan perkhidmatan dengan mengambilkira keupayaan kewangan sedia ada.

Sebanyak RM2.81 juta telah diperuntukkan pada tahun 2014, RM4.21 juta pada tahun 2015 dan RM1.2 juta pada tahun 2016 untuk pembelian peralatan-peralatan perubatan bagi pelbagai disiplin kepakaran di Hospital Bintulu.